

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai Pembiayaan Perumahan-i anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda juga harus membacanya.



Bank Pilihan Anda

BANK RAKYAT

Tarikh:

Pakej:

1. Apakah itu Pembiayaan Perumahan-i?

- Kemudahan pembiayaan ini membantu anda dalam membiayai pembelian hartanah kediaman, tanah kediaman dan rumah kedai atau lot komersial. Harga Jualan Bank diperoleh berdasarkan kadar keuntungan siling yang tetap sepanjang tempoh pembiayaan. Namun, kadar keuntungan efektif dikira berdasarkan kadar terapung atau boleh ubah. Anda menawarkan rumah/hartanah anda sebagai jaminan untuk pembiayaan ini.
- Kemudahan pembiayaan ini adalah dibawah prinsip Syariah Murabahah (dengan menerima pakai amalan Tawarruq) yang mana berdasarkan Wa'd (janji) daripada pelanggan, pihak Bank akan membeli komoditi daripada pembekal dan seterusnya menjual komoditi kepada pelanggan berdasarkan harga jualan Murabahah (harga kos komoditi beserta keuntungan) secara tangguh. Pihak Bank kemudiannya, sebagai ejen pelanggan, akan menjual komoditi kepada pembeli pihak ketiga secara tunai. Kutipan tunai daripada pembeli pihak ketiga ini akan dimasukkan ke dalam akaun penerima bayaran (payee).
- Jenis komoditi yang diguna pakai adalah komoditi yang dibenarkan oleh Jawatankuasa Syariah Bank.

2. Apakah yang perlu dilaksanakan oleh pelanggan?

Berikut adalah ilustrasi untuk Pembiayaan Perumahan-i:

- Jumlah pembiayaan anda: **RM350,000**
- Ansuran bulanan anda: **RM1,721.79**
- Tempoh pembiayaan anda: **30 tahun**
- Kadar Asas Standard (KAS)*: 2.75%
- Kadar keuntungan efektif: **4.45% setahun**

Jumlah keseluruhan yang perlu anda bayar ialah **RM619,844.26** pada akhir tempoh 30 tahun.

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

- Duti Setem: 0.5% daripada jumlah pembiayaan.
- **Yuran Pembayaran: NIL**
- **Yuran Pemprosesan: NIL**
- Yuran Wakalah atau ejen: **RM28.30 termasuk Yuran Broker**
- Caj Ganti Rugi (Ta'widh): **1% setahun** ke atas jumlah bayaran bulanan tertunggak.

Ini adalah tanggungjawab anda untuk:



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatangani.



Bayar ansuran bulanan anda tepat pada masa dan sepenuhnya selama **35 tahun**. Hubungi kami jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan anda lebih awal.



Pastikan anda mampu membayar ansuran yang lebih tinggi sekiranya Kadar Dasar Semalaman (OPR) meningkat.



Segera hubungi kami sekiranya anda tidak dapat membayar ansuran bulanan anda.

* KAS ditetapkan pada Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia. KAS boleh naik dan turun disebabkan oleh perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (OPR).

3. Apakah implikasi sekiranya pelanggan gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan?

- Anda akan **membayar lebih banyak jumlah keseluruhan** disebabkan oleh caj ganti rugi.
- Bank berhak **menolak atau menyelaraskan** baki simpanan Akaun Simpanan-Akaun Pelaburan-Akaun Keahlian Saham) anda di Bank Rakyat sebagai bayaran ke atas jumlah tertunggak.
- Bank berhak **mengambil tindakan undang-undang** terhadap anda.
- **Skor kredit** anda mungkin terjejas, yang boleh menyukarkan anda untuk mendapatkan pembiayaan kredit atau menjadikannya lebih mahal.

Ansuran bulanan anda boleh meningkat sepanjang tempoh pembiayaan anda

KAS boleh meningkat disebabkan oleh kenaikan pada OPR yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Peningkatan pada SBR bermaksud anda harus membayar ansuran bulanan yang lebih tinggi.

Kadar	Kadar semasa (KAS = 4.25%)	Kenaikan kadar 1%	Jika kadar naik 2%
Ansuran bulanan	RM1,721.79	RM1,932.71	RM2,155.01
Jumlah keuntungan dalam tempoh 30 tahun	RM269,844.26	RM345,776.66	RM425,803.67
Jumlah bayaran keseluruhan dalam tempoh 30 tahun	RM619,844.26	RM695,776.66	RM775,803.67

PENTING:

Pengiraan dan maklumat di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

4. Apakah terma-terma utama untuk produk ini?

- Lain-lain pakej Pembiayaan Perumahan-i yang ditawarkan adalah:
 - Pembiayaan Perumahan-i Normal, ZEC, My 1st Home, PR1MA, SJKP, Flexi, Sourcing, SSM, Pemaju Terpilih, Bukan Warganegara, MM2H Sarawak, MM2H & Mortgage Suite-i
- Bagi Pembiayaan Perumahan-i Flexi, fleksibiliti diberikan kepada anda untuk membuat bayaran pendahuluan dan memohon pengeluaran bayaran pendahuluan pada bila-bila masa.
- Bagi Pembiayaan Perumahan Mortgage Suite-i:
 - Margin pembiayaan bagi pembiayaan langsung (baharu) adalah sehingga 120% termasuk MRT/Yuran Guaman/Kos Penilaian dan Pengubahsuaian.
 - Margin pembiayaan bagi pembiayaan semula adalah sehingga 95% termasuk MRTT/Yuran Guaman/Kos Penilaian dan lebihan tunai hanya boleh dilakukan bagi tujuan pendidikan dan pengubahsuaian rumah.
- Anda dikehendaki mengambil perlindungan Takaful Pemilik Rumah untuk rumah kediaman dan Takaful Kebakaran bagi premis rumah kedai/lot komersial dari syarikat Takaful.
- Anda adalah dinasihatkan untuk mengambil Takaful Gadai Janji (MRTT) dan bebas untuk memilih mana-mana syarikat Takaful yang beroperasi di Malaysia. Namun, bagi mengelakkan sebarang kesulitan, pengambilan pelan takaful daripada syarikat Takaful yang merupakan panel Bank adalah digalakkan.

5. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, aduan atau memerlukan bantuan mengenai Pembiayaan Perumahan-i anda, anda boleh:

 Hubungi kami di 1-300-80-5454 Talian Antarabangsa: +603 5526 9000	 Layari www.bankrakyat.com.my  telerakyat@bankrakyat.com.my aduan@bankrakyat.com.my	 Imbas kod QR di atas	Laman Web BNMLINK: bnm.gov.my/BNMLINK Alamat BNMLINK: Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10 Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur	 Sebagai alternatif, rujuk kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan keuangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi talian 03-2616 7766.
--	---	---	---	--

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan memahami apa yang anda tandatangani.

- ☐ Saya mengakui bahawa Bank Rakyat telah memberikan saya salinan PDS ini.
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam PDS ini.

*Pengakuan pelanggan terhadap PDS ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan keadilan yang sah disisi undang-undang sekiranya berlaku pertikaian di kemudian hari mengenai terma dan syarat produk ini.

.....
Nama:
Tarikh: